

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 16 JUN 2009, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 24

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-022-L18662
Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
 - (a) langkah-langkah untuk mengatasi ketidakseimbangan bagi permohonan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA); dan
 - (b) jumlah bilangan (ikut kaum) yang berjaya mendapat biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam pada tahun 2009.
2. PR-022-L19272
Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tidakkah Kerajaan bercadang menerima tandatangan penggawa dan penghulu Kerajaan yang diiktiraf dan tidak hanya tandatangan PPM untuk mendapatkan baja subsidi LPP sepertimana arahan pekeliling terbaru Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.
3. PR-022-L19709
Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk meningkatkan lagi hubungan dua hala terutamanya dalam bidang ekonomi di antara Malaysia dan negara-negara Asia Tengah seperti Uzbekistan dan Kyrgystan.

- Jen [Bandar Kuching]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Bank Negara terhadap syarikat-syarikat insurans yang kini tidak lagi menerima "Third Party Insurance" untuk kenderaan lama dan memaksa semua pemilik-pemilik kenderaan itu agar membeli "First Party Insurance".
5. PR-022-L19012
Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memandangkan rancangan Kerajaan membina pangsapuri bagi peneroka FELDA lebih menjimatkan daripada pembinaan rumah-rumah konvensional dan bagaimanakah pula kesan sosial yang akan dialami oleh masyarakat FELDA pangsapuri di masa akan datang.
 6. PR-022-L18698
Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** kursus-kursus yang ditawarkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi setelah Kementerian ini dibubarkan.
 7. PR-022-L18689
Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah Kerajaan melihat soal liberalisasi kewangan boleh membantu meningkatkan pembangunan kewangan dan ekonomi negara apatah lagi Malaysia dan dunia sekarang bergelut dengan kemelesetan ekonomi sejagat.
 8. PR-022-L19451
Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sebabnya pengusaha-pengusaha Melayu Islam masih ketinggalan dalam melahirkan produk halal dan apakah usaha Kementerian dalam mengatasinya juga apakah peranan HDC di sini.
 9. PR-022-L18542
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
 - (a) dalam menangani epidemik seperti selesema babi (H1N1). Apakah langkah Kerajaan bagi mengawasi semua pintu masuk melalui air, ke negara ini terutama sekali pintu masuk haram; dan
 - (b) adakah Kerajaan bersedia untuk membekalkan alat pengimbas haba di setiap lapangan terbang antarabangsa negara ini.

Murugeson [Ipoh Barat] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) langkah-langkah yang diambil bagi mencegah kuasa bekalan yang berlebihan bagi rumah, bangunan komersial dan kondominium; dan
 - (b) kenapakah projek rumah Skim Bina dan Jual masih lagi diimplementasikan.
11. PR-022-L19207
Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan produk-produk tempatan khususnya keluaran Bumiputra yang dipasarkan melalui FAMA tidak dikenali oleh begitu ramai rakyat berbanding dengan produk yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat gergasi tempatan. Apakah Kementerian akan mengkaji semula cara pemasaran yang dijalankan oleh FAMA.
 12. PR-022-L20039
Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan pencapaian Universiti Sains Malaysia (USM) sejak dipilih sebagai Universiti Apex.
 13. PR-022-L20010
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan statistik status pelaksanaan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) terkini dan apakah strategi dan langkah pihak Kementerian untuk menggalakkan syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan agar turut serta di dalam projek PPRT, seperti dilakukan oleh Tabung Haji di Kuala Terengganu.
 14. PR-022-L18548
Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan mengenai bantuan yang telah diberikan kepada pesawah yang mengalami banjir pada tahun 2008 dan 2009 yang lalu khususnya di kawasan Muda (MADA) serta apakah rancangan jangka panjang yang telah dibuat oleh Kementerian supaya banjir ini dapat diatasi di kawasan tanaman padi utama negara.
 15. PR-022-L19566
Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan berapakah jumlah projek yang telah diluluskan oleh pihak Kerajaan bagi projek biodiesel sejak tahun 2006 hingga sekarang dan berapakah projek biodiesel tersebut telah berjaya.

- Dato' Haji Mamuz bin Omar [Pokok Sena]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah pegangan saham Tabung Haji (TH) dalam syarikat Ramunia Berhad dan berapakah harga nilai semasa saham tersebut dan berapa harga sewaktu TH beli.
17. PR-022-L18636
Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang membina satu jalan raya bertaraf persekutuan menghubungkan bandar Sarikei ke Tanjung Manis di mana sambungan jalan raya tersebut ke Jalan Persekutuan Sibul/Tanjung Manis/Serdang hanya lebih kurang 10 kilometer. Jika tidak, kenapa.
18. PR-022-L19702
Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah perbelanjaan di bawah peruntukan Dana Khas dari wang royalti Terengganu yang telah dibelanjakan oleh Kementerian-kementerian, Agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri dari tahun 2000 hingga 2009. Bilakah jumlah kewangan tersebut akan dibayar balik kepada Kerajaan Negeri Terengganu.
19. PR-022-L19799
Dato' Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah nasib pekerja kontrak yang dulu dilantik di bawah MECD setelah MECD dibubarkan.
20. PR-022-L19614
Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah kewajaran Jabatan Perangkaan Malaysia (Malaysia Statistics Department) diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri; dan
 - (b) mengapa Kerajaan tidak meletakkan Jabatan Perangkaan Malaysia di bawah bidang kuasa Parlimen atau Suruhanjaya bebas untuk memastikan badan ini bebas dari pengaruh pihak-pihak tertentu.
21. PR-022-L19824
Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kementerian akan mengisi kekosongan doktor dan doktor pakar di setiap hospital Kerajaan khususnya Hospital Daerah Segamat.

- Mahmud [Kota Raja]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah yang telah dan akan diambil untuk memastikan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Bangunan yang dilantik di bawah Seksyen 3, Akta 663 dapat menjalankan tanggungjawab mereka dengan lebih berkesan.
23. PR-022-L19450
Dato' Shahrir Bin Ab. Samad [Johor Bahru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah kemudahan pemeriksaan imigresen dan kastam di Tambak Johor untuk pejalan-pejalan kaki dari arah Singapura ke Johor Bahru akan siap dibina.
24. PR-022-L20176
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk mengkaji semula peranan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan adakah Kerajaan sedar terdapatnya beberapa peraturan perjalanan pilihan raya yang seringkali menimbulkan kontroversi dan boleh menjejaskan sistem demokrasi di negara ini.
25. PR-022-L20081
Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapakah jumlah perkampungan di Negeri Sarawak yang telah dibangunkan dan diwujudkan di bawah Program Sepadu Pembangunan Desa Terpencil sehingga ke hari ini. Jelaskan setakat manakah kejayaan pelaksanaan program ini di Sarawak.
26. PR-022-L19601
Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk mengarahkan institusi-institusi kewangan dalam negara memastikan satu bahagian minima yang tetap pinjaman mereka dirujuk kepada pengeluaran bahan makanan dan pertanian.
27. PR-022-L18721
Tuan Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan dasar Kerajaan terhadap insurans dan cukai jalan bagi kereta awam dan komersial yang sudah melebihi umur 10 tahun. Nyatakan jumlah kenderaan awam dan komersial yang terlibat.
28. PR-022-L20028
Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan permasalahan berlarutan pukut tunda haram di sekitar perairan di Balik Pulau.

- Tuan Ng [Lawas]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sama ada pihak tentera boleh terlibat untuk melaksanakan projek awam khasnya di kawasan pedalaman.
30. PR-022-L18674
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apa sebenarnya perjanjian Penubuhan Negara Malaysia pada tahun 1963 yang merangkumi antaranya Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, Sabah dan bilakah sebenarnya tarikh Tuan Yang Terutama di Pertua Negara Sabah ditukarkan kepada Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri.
31. PR-022-L18987
Tuan Raime Bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sejauh manakah pemantauan Kementerian dalam soal harga barangan terutama di kedai-kedai runcit, stesen minyak dan kedai serbaneka 24 jam.
32. PR-022-L19753
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa sistem Imigresen mudah di kawasan Padang Besar yang hanya memerlukan pengisian kad putih dihapuskan dan bagaimana Kerajaan membantu para peniaga tempatan yang mengalami kemerosotan perniagaan berikutan dengan penurunan mendadak jumlah pelawat dari Thailand.
33. PR-022-L18665
Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah untuk mengatasi kekurangan guru bahasa Cina di Sekolah Menengah Kebangsaan.
34. PR-022-L18466
Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah baru yang akan diambil untuk membanteras kegiatan penyeludup manusia yang menggunakan negara ini sebagai tempat transit ke negara lain.
35. PR-022-L19843
Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan adakah Kerajaan telah mengenal pasti kawasan yang berstatus MSC (Multimedia Super Corridor) di Sabah, jika sudah apakah Kerajaan berpuas hati dengan respon permohonan berstatus MSC oleh syarikat di Sabah.

- Kelana Jaya]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penoman Kerajaan yang memberi kelonggaran kepada pendatang asing tanpa izin (PATI) dengan memberi kompaun RM550 sedangkan agen masih mengenakan bebanan sehingga RM1500.
37. PR-022-L19795
Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah perancangan pihak Kerajaan dalam membantu golongan petani di negara kita dengan menggantikan pemberian subsidi seperti baja dan racun kepada pemberian secara tunai supaya para petani lebih memberi fokus dan dapat meningkatkan hasil pertanian mereka.
38. PR-022-L19430
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah asas pelantikan Tun Abdullah Badawi sebagai penasihat pembangunan koridor dan berapakah gaji, elaun dan kemudahan yang diterima sebagai penasihat pembangunan koridor.
39. PR-022-L18880
Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bahawa jumlah semasa keseluruhan kemiskinan bagi masyarakat Orang Asli adalah 13945 KIR daripada 27841 KIR. 9003 KIR dikategorikan sebagai miskin tegar dan 4942 KIR sebagai miskin justeru apakah tindakan Kerajaan untuk membantu masyarakat Orang Asli keluar dari garis kemiskinan dalam usaha mencapai sasaran tegar sifar menjelang 2010.
40. PR-022-L18959
Tuan Manikavasagam A/L Sundaram [Kapar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan untuk kawasan Parlimen Kapar dalam Rancangan Malaysia ke-10 serta dalam kedua-dua Pakej Rangsangan Ekonomi. Nyatakan jumlah yang telah disalurkan ke Kawasan Parlimen Kapar mengikut kawasan Dewan Undangan Negeri semenjak Tahun 2003 serta senarai lengkap projek yang telah siap dan yang masih dalam perancangan.
41. PR-022-L19528
Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah dasar-dasar yang telah dirumuskan oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai perubahan iklim setelah ianya diwujudkan pada Disember 2007.

- [**Batu Gajah**] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah calon pilihan raya yang telah ditolak oleh pengundinya dilantik untuk menjadi Menteri dan Timbalan Menteri. Apakah ia berpunca daripada kekurangan Ahli Parlimen lain yang berkemampuan, berkepakaran dan bersih daripada skandal untuk dilantik oleh YAB Perdana Menteri.
43. PR-022-L19478
Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan berhubung dengan hasrat KPDNKK menyeimbangkan (standardised) harga barangan di Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Labuan. Bila ianya akan dimulakan.
44. PR-022-L19364
Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) dasar dan ciri-ciri untuk menawarkan biasiswa ijazah luar negara kepada pelajar lepasan SPM; dan
 - (b) usaha yang diambil untuk mengutamakan keadilan dan ketelusan aduan-aduan yang diterima dari orang awam.
45. PR-022-L18814
Tengku Razaleigh Hamzah [Gua Musang] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan bagi merangsang aktiviti ekonomi yang masih malap serta memastikan agar pelabur asing terus mengekalkan operasi syarikat mereka di dalam negara.
46. PR-022-L19022
Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kenapakah masih banyak pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat yang belum memenuhi kemudahan akses bagi OKU.
47. PR-022-L18732
Datuk Md.Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan berapa banyakkah Koperasi Bela Rakyat (KOBERA) yang telah ditubuhkan dan berapa ramai keanggotaannya. Apakah bantuan-bantuan yang disediakan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia kepada KOBERA dan lain-lain koperasi baru untuk memberi impak kepada ekonomi negara.

[**Bagan**] minta **MENTERI PERDAGANGAN
ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-

- (a) berapakah nilai industri halal setiap-tiap tahun semenjak tahun 2000 mengikut pecahan negeri; dan
 - (b) apakah rancangan membangunkan industri halal di Pulau Pinang.
49. PR-022-L18820
Datuk Siringan bin Gubat [Ranau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan Negeri masih lagi berpegang kepada dasar Wawasan 2020, memandangkan ia tidak lagi merupakan penekanan melalui pelaksanaan dasar dan pembangunan pada masa kini. Adakah tahun 2020 masih lagi sebagai sasaran menjadikan Malaysia sebuah negara yang bertaraf maju.
50. PR-022-L18450
Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
 - (a) apakah jenayah-jenayah yang membabitkan murid-murid di setiap negeri di Malaysia bagi setiap tahun dari 2006 hingga 2009; dan
 - (b) apakah kesalahan - kesalahan yang dilakukan oleh mereka dan apakah rancangan yang dibuat oleh Kementerian untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.
51. PR-022-L19115
Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan berapakah bilangan 'homestay' yang terdapat di seluruh negara dan apakah usaha yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan untuk menggalakkan lagi pelancongan 'homestay' di negara ini.
52. PR-022-L18930
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang diambil ke atas pendedahan penglibatan penguat kuasa Kerajaan dalam kegiatan perdagangan manusia. Adakah Kerajaan bercadang menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Bebas untuk menyiasat pendedahan ini dan mengambil tindakan sewajarnya ke atas mereka yang terlibat.

- [Lanang]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** kan sumber alam, adakah Kerajaan mempertimbangkan langkah-langkah seperti berikut:-
- (a) mempromosikan usaha mengasingkan sisa organik untuk mengeluarkan kompos ; dan
 - (b) mengadakan kempen mengurangkan penggunaan beg plastik seperti mana yang diamalkan di negara-negara lain. Misalnya, pengguna akan dikenakan bayaran sekiranya mereka masih ingin meminta beg plastik semasa membeli-belah.
54. PR-022-L19142
Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** Kerajaan Negeri Selangor yang telah pun menarik balik rayuan dalam kes Sagong Tasi di Mahkamah Persekutuan. Apakah pendirian Kerajaan Persekutuan dalam hal ini.
55. PR-022-L20186
Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah/peratus peruntukan di bawah RMK-9 yang telah dibelanjakan untuk negeri Sabah. Adakah jumlah ini menepati perancangan yang telah ditetapkan.
56. PR-022-L18617
Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-
- (a) sama ada Kementerian bercadang untuk menyerah White Paper on Defence kepada Dewan untuk memastikan an dan kemajuan dalam pertahanan yang seimbang; dan
 - (b) jika tidak, apakah sebabnya.
57. PR-022-L19121
Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah tindakan Kerajaan untuk meningkatkan lagi perpaduan di kalangan rakyat; dan
 - (b) sejauh manakah Rukun Negara dihayati dan diamalkan oleh rakyat.

Nagapan [Padang Serai] minta **PERDANA**

MENTERI menyatakan apakah status kes rasuah yang melibatkan Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Ali Rustam sehingga kini.

59. PR-022-L19724
Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah yang diambil untuk meningkatkan disiplin dan memperbaiki tingkah laku murid-murid sekolah rendah dan menengah dan adakah Kerajaan membenarkan guru untuk merotan murid.
60. PR-022-L19354
Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan Bank Negara terhadap syarikat kad kredit yang telah melanggar Garis Panduan Bank Negara atas Kad Kredit dan apakah keputusan Bank Negara mengenai aduan yang telah dibuat terhadap MBF Cards (M'sia) Sdn Bhd atas kesalahan pelanggaran klause 15 garis panduan tersebut.
61. PR-022-L18402
Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimana Kerajaan mengharmonikan antara dasar liberalisasi, perdagangan bebas dan dasar perlindungan seperti Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia.
62. PR-022-L19672
Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah keberkesanan pendekatan yang diambil oleh Kerajaan dalam usaha membantu pekerja-pekerja yang telah diberhentikan akibat kelembapan ekonomi global yang dialami pada masa kini, terutamanya di sektor pembuatan yang menyaksikan peningkatan bilangan pekerja yang diberhentikan.
63. PR-022-L18818
Tuan Masir Anak Kujat [Sri Aman] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah persempadanan semula kawasan parlimen yang sangat luas mempunyai tiga (3) kawasan ADUN seperti Sri Aman akan diadakan.
64. PR-022-L19168
Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan akan diambil terhadap bekas Menteri Pengangkutan yang mengeluarkan empat surat sokongan kepada Projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) dan bekas pengerusi Lembaga Pelabuhan Klang merangkap timbalan syarikat kontraktor PKFZ Wijaya Baru Global Bhd, Datuk Chor Chee Heung.

- Bin Haji Aziz [Sri Gading]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah kes kecuaiian yang dilaporkan oleh orang ramai terhadap hospital Kerajaan dan swasta dan apakah tindakan Kementerian untuk menanganinya.
66. PR-022-L18968
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapakah peruntukan makanan dan pakaian yang diberikan kepada pelatih-pelatih PLKN.
67. PR-022-L19282
Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah projek pembinaan SMK Serian No. II dijangka bermula. Juga, sila nyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk mendirikan sebuah sekolah baru bagi menggantikan SK St. Teresa, Serian.
68. PR-022-L19510
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah penjelasan Kerajaan terhadap kecuaiian pengendalian pindaan Akta SUHAKAM yang menyebabkan akta tersebut perlu dipinda sekali lagi pada sesi Parlimen Jun 2009, sedangkan SUHAKAM diberi masa setahun untuk menjawab kenapa badan tersebut tidak harus di "downgrade" kan dari A ke B.
69. PR-022-L19083
Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah Daerah Limbang masih dijadikan tempat Pembuangan Daerah untuk pesalah/penjenayah sedangkan perkara ini mendapat bantahan dari rakyat di kawasan kerana secara tidak disedari pesalah/penjenayah ini boleh mempengaruhi belia-belia dan remaja-remaja tempatan.
70. PR-022-L19576
Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah keseluruhan peruntukan Kementerian untuk projek-projek infrastruktur bagi negeri Kedah untuk tahun 2008 dan 2009 dan menyenaraikan projek-projek meliputi semua jenis prasarana yang telah diluluskan bagi Daerah Kuala Muda dan Daerah Yan untuk tahun 2008 dan 2009.
71. PR-022-L18839
Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sejauh manakah tahap pelaksanaan kerja-kerja menaik taraf jalan dari Kampung Relong, Lipis menghala ke sempadan Gua Musang, Kelantan.

- Lee Vee [Petaling Jaya Utara]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk memperbaiki ekonomi Malaysia berdasarkan kenyataan yang diberikan kepada wartawan di Singapura bahawa "The traditional way of imposing quotas, for example, and equity restrictions, seems to be hampering restriction and growth."
73. PR-022-L18525
Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah spesifik yang sedang dan akan diambil dalam dua tahun ini di bidang politik, sosioekonomi dan pelajaran untuk meyakinkan rakyat bahawa dasar Kerajaan dan pelaksanaannya selaras dengan perjanjian perjuangan "SATU MALAYSIA" oleh Perdana Menteri.
74. PR-022-L19285
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah jangka masa untuk menunggu pembedahan jantung secara elektif di Hospital Pulau Pinang, Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru dan Institut Jantung Negara.
75. PR-022-L19657
Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan masih ada tawaran kerja sektor awam berstatus sambilan atau kontrak yang dilihat tidak membantu ke arah membela golongan pekerja yang diberhentikan serta golongan penganggur.
76. PR-022-L18758
Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelajar yang mendapat biasiswa tajaan JPA tahun 2008 dan tahun 2009 bagi pelajar bumiputera dan bukan bumiputera. Apakah biasiswa yang diberi kepada bukan bumiputera diambil dari hak kaum bumiputera yang mana biasiswa adalah 'hak keistimewaan Melayu' yang dijamin oleh perlembagaan dan sepatutnya semua pelajar bumiputera berhak mendapat biasiswa tanpa mengira miskin atau kaya.
77. PR-022-L19415
Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah tunggakan bayaran peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan adakah Kerajaan bercadang menambah jumlah pinjaman yang diberi kepada peminjam.

Bin [Kulim Bandar Baru] minta PERDANA

MENTERI menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan bercadang meminda Artikel 3 dipinda dengan menambah perkataan "Islam adalah agama bagi Persekutuan termasuk dari segi undang-undang dan syariatnya "; dan
- (b) adakah Kerajaan bersetuju dengan kenyataan bahawa Malaysia adalah negara sekuler. Apakah rasional Kerajaan menyatakan Malaysia negara Islam.

79. PR-022-L18595

Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian sedar terdapat lebih kurang 4 ribu persatuan belia tetapi cuma mempunyai 300 ribu ahli dan bagaimana Kementerian:-

- (a) boleh menarik minat belia menyertai persatuan belia dan aktif dalam persatuan belia; dan
- (b) bagaimana Kementerian boleh memperkasa Jabatan Belia dan Sukan di peringkat daerah supaya lebih aktif.

80. PR-022-L19888

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) sejauh mana keberkesanan program Latihan dan Penempatan semula pekerja yang di buang kerja dalam usaha mengurangkan pengangguran di seluruh negara; dan
- (b) impak terhadap industri pembuatan dan perladangan hasil daripada pemberhentian pekerja asing.

81. PR-022-L19098

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status deraf cadangan bengkel anjuran Kementerian bersama dengan konsultan berhubung dengan menempatkan 30% wanita dalam kedudukan membuat keputusan.

Marimuthu [Telok Intan] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU, DAN AIR** menyatakan :-

- (a) berapa kali bekalan elektrik tergendala di Teluk Intan untuk tempoh masa satu tahun yang lalu; dan
 - (b) adakah Kementerian sedar penduduk Teluk Intan sering kali membuat aduan kepada wakil rakyat tentang perkhidmatan TNB yang kurang memuaskan dan apakah langkah-langkah untuk meningkat taraf dan mutu perkhidmatan TNB di Teluk Intan.
83. PR-022-L19061
Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha pihak Kementerian untuk meningkatkan penglibatan pengusaha dan usahawan Islam dalam industri halal terutamanya di Sabah yang masih rendah berbanding usahawan bukan Islam meskipun industri berkenaan mempunyai pasaran masa depan yang cerah dengan pasaran halal dunia kini dianggarkan bernilai RM7.4 trilion setahun.
84. PR-022-L19669
Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mempertimbangkan untuk menggugurkan/membatalkan cadangan pembayaran berperingkat ke atas pengeluaran wang KWSP oleh pesara yang mana telah mendapat bantahan dari mereka yang mahukan pembayaran seperti dahulu dikekalkan.
85. PR-022-L19148
Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU, DAN AIR** menyatakan berapa jumlah peruntukan yang telah dan akan digunakan sejak Kementerian ini ditubuhkan untuk mempromosi dan menjayakan teknologi hijau yang mesra alam yang menjadi semakin popular di negara-negara lain tetapi tidak mendapat sambutan baik di negara kita.
86. PR-022-L19274
Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berkenaan perbelanjaan dari Bajet Mini 2009 berjumlah RM60 bilion tetapi Pulau Pinang tidak mendapat apa-apa program yang spesifik. Adakah terdapat diskriminasi terhadap aliran peruntukan berkenaan kepada Kerajaan Pakatan Rakyat.

- Dato' Haji Ahmad [Sipitang]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan persediaan akhir yang di buat bagi menerima kedatangan kapal selam yang bakal ditempatkan di pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu.
88. PR-022-L18539
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) sehingga Disember 2008 berapakah sekolah rendah dan menengah di Semenanjung, di Sabah dan Sarawak yang tidak mendapat bekalan elektrik selama 12 jam berturut-turut; dan
 - (b) dari keseluruhan jumlah sekolah-sekolah tersebut berapa sekolah yang mempunyai murid lebih dari 300 orang dalam satu sesi.
89. PR-022-L18476
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) adakah pihak Kementerian membuat kajian mengenai kepentingan membina Balai Bomba di setiap daerah atau kawasan bagi seluruh negeri Sarawak terutamanya di Bahagian Bintulu ; dan
 - (b) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk membina Balai Bomba Pekan Sebauh (yang telah di janjikan dalam RMK 9) Pekan Tatau serta Pekan Tabau pada masa akan datang.
90. PR-022-L19235
Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kos setiap unit dalam pembelian 25 kereta Mitsubishi Evo 10 dan 426 motosikal Honda ST1300 untuk kegunaan PDRM dan adakah tidak tender terbuka dibuat, jika tidak, kenapa.
91. PR-022-L20156
Datuk Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dasar-dasar Kerajaan terhadap pemberian taraf penduduk tetap untuk isteri kepada warganegara China dan Vietnam memandangkan mereka menghadapi masalah untuk memohon permit masuk Negara ini.

- Sim [Seputeh]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bimbingan anak pelarian yang belajar di sekolah rendah dan sekolah menengah di negara kita dan prosedur memasuki sekolah tempatan. Memandangkan keturunan pelarian dan orang asing tanpa izin di negara kita ini semakin meningkat, bagaimanakah Kerajaan menangani masalah pendidikan di kalangan keturunan orang asing tanpa izin dan pelarian tersebut.
93. PR-022-L18790
Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai tahap keselamatan bas ekspres yang terdapat di seluruh negara dan sejauh manakah pengusaha bas mematuhi piawaian yang ditetapkan demi keselamatan pengguna serta berapakah kes-kes berkaitan kecuaiian dan kegagalan pematuhan terhadap piawaian dilaporkan kepada pihak Kementerian.
94. PR-022-L19314
Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan status terkini berhubung kepulauan-kepulauan Malaysia yang menjadi tuntutan bertindih dengan negara-negara lain, serta butiran penyelesaian rasmi yang dicapai dengan Brunei Darussalam mengenai tuntutannya ke atas Limbang.
95. PR-022-L19931
Tuan Chua Tee Yong [Labis] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan pendekatan yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan sumber pendapatan Orang Asli khususnya kepada Orang Asli di kawasan Labis.
96. PR-022-L19032
Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) berapakah pusat pendidikan awal PERMATA yang telah ditubuhkan di seluruh negara; dan
 - (b) adakah sebarang kelayakan atau saringan dibuat untuk memasukinya.
97. PR-022-L18482
Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kementerian sedar Jalan Raya ke Bakun khasnya di kawasan Tubau rosak teruk. Jika ya, apakah tindakan Kementerian dan bilakah jalan raya Bakun ini akan di baik pulih.

- Samad [Shah Alam]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah perkembangan siasatan polis terhadap laporan Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir di Balai Polis Kampung Rapat, Ipoh berikutan tuduhan Adun Titi Serong. Khalil Idham Lim yang mendakwa Zambry dan Barisan Nasional telah membenarkan bangunan Dewan Undangan Negeri dimasuki oleh 'bomoh' untuk menjampi kerusi Speaker Dewan Undangan Negeri Perak.
99. PR-022-L19641
Datuk Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah kebarangkalian diwujudkan sekolah sukan di setiap negeri demi melahirkan atlet yang boleh diketengahkan di peringkat antarabangsa.
100. PR-022-L19353
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa pihak polis bertindak 'double standard' apabila tidak membenarkan DAP menayangkan insiden dalam Dewan Undangan Negeri Perak pada 7/5/2009 dalam jamuan Makan Malam DAP pada 9/5/2009 di Setiawan tetapi membenarkan MCA berbuat demikian di jamuan Makan Malam MCA di Ipoh pada 17/5/2009.
101. PR-022-L19980
Puan Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI, DAN KEBUDAYAAN** menyatakan :-
- (a) kenapa rancangan Majalah 3 melalui televisyen terlalu giat mempromosi tempat-tempat pelancongan negara asing; dan
 - (b) adakah Majalah 3 di bayar oleh negara-negara asing yang dipromosikan.
102. PR-022-L19994
Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah Raub Australian Gold Mining Sdn. Bhd. memberi sebarang bon (bond) untuk memastikan langkah-langkah pemulihan boleh dilaksanakan dengan betul sekiranya pencemaran berlaku di Bukit Koman. Jika ya, tunjukkan buktinya. Jika tidak, mengapa.
103. PR-022-L19046
Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan yang diambil untuk menyelesaikan konflik pertembungan yurisdiksi mahkamah sivil dan mahkamah syariah di Malaysia.

- [Rasah]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan penerima biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam untuk Program Luar Negara tahun 2009 mengikut latar belakang kaum, negeri, bidang pengajian dan negara yang dihantar.
105. PR-022-L19343
Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI, DAN KEBUDAYAAN** menyatakan kemajuan projek 'high-speed broadband' dan adakah infrastruktur 'broadband' ini dapat dimanfaatkan oleh penduduk luar bandar.
106. PR-022-L19286
Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah nilai ekuiti Kerajaan Malaysia dalam Syarikat Proton dan berapakah jumlah saham pelaburan luar.
107. PR-022-L19241
Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa banyakkah peruntukan pembangunan yang diperuntukkan Persekutuan dalam Perlembagaan, jika ada untuk dipergunakan oleh setiap ahli Parlimen. Jika ada mengapakah Ahli Dewan Rakyat dan Parti Pakatan Rakyat belum lagi dimaklumkan atas kewujudan peruntukan ini.
108. PR-022-L19405
Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa komputer Cik Cheng Lee Whee yang dirampas pada bulan Oktober 2008, berkaitan bantahan beliau terhadap pengusiran "setinggalan" Kpg Plenthong, masih belum dipulangkan padanya.
109. PR-022-L19959
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan butiran untuk individu yang telah dijatuhkan hukuman sebat di bawah Akta Imigresen dengan pecahan mengikut negara asal, bilangan sebatan, jantina dan umur dari 2002 hingga kini.
110. PR-022-L19866
Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap media luar negara yang membuat laporan-laporan berunsur fitnah terhadap beliau.

- Jee Keen [Selayang]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah bahan dan alat pertahanan yang dibuat di Malaysia dan mengapa selepas 52 tahun merdeka, negara kita tidak mempunyai kebolehan untuk membuat senjata, peluru dan lain-lain dan adakah Kementerian mempunyai satu dasar untuk menggalakkan industri pertahanan tempatan.
112. PR-022-L19165
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan :-
- (a) apakah rasional Kerajaan memansuhkan minyak jenis RON92 dan kenaikan harga sebanyak 20 sen bagi RON97 dan mengapa harga RON95 tidak boleh setaraf dengan RON92; dan
 - (b) senaraikan jenis kenderaan yang tidak sesuai untuk mengguna minyak jenis RON95.
113. PR-022-L19730
Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :-
- (a) sama ada kekosongan jawatan Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat telah diisi; dan
 - (b) sekiranya jawatan itu baru sahaja diisi, apakah alasannya pihak Kerajaan menunggu hampir setahun dan jika belum lagi diisi, apakah alasannya.
114. PR-022-L18410
Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai elaun, bayaran serta faedah-faedah lain yang diterima oleh bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi yang dilantik sebagai Penasihat Pembangunan Koridor Negara, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Malaysia Airlines (MAS).
115. PR-022-L18649
Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah terdapat unsur-unsur buli dan paksaan terhadap orang yang disyaki yang menyebabkan kecederaan bagi mendapatkan maklumat.

- Ujaji Abd. Muttalib [Maran]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapakah jumlah kemalangan yang melibatkan pelajar-pelajar semasa mereka berada di sekolah sejak tahun 2005 dan apakah langkah-langkah bersepadu Kerajaan dalam menangani isu-isu ini termasuk melibatkan ibu bapa dan masyarakat setempat.
117. PR-022-L19974
Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan dan kos biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang telah dikurniakan mengikut komposisi kaum dalam tempoh sepuluh (10) tahun dari 1998 hingga 2008.
118. PR-022-L19471
Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberi elaun pakaian seragam kepada pegawai-pegawai perkhidmatan pendidikan (guru) dalam usaha memperkasakan aktiviti ko kurikulum badan beruniform di peringkat sekolah, PPD, jabatan dan Kementerian.
119. PR-022-L19075
Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kriteria-kriteria ekonomi bagi Desaru di Johor Timur dipilih sebagai tapak jambatan ketiga antara Malaysia dan Singapura. Adakah ia lebih berkesan daripada "The Crooked Bridge" gagasan Tun Dr Mahathir, dan apakah ia bertujuan untuk memakmurkan lagi Changi sebagai satu "logistics & communication hub" di dunia.
120. PR-022-L18762
Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad [Hulu Selangor] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah usaha Kementerian membantu keluarga yang mempunyai anak-anak di institusi pendidikan tinggi kerana pendidikan pengajian tinggi masa kini menjadi semakin mahal dengan penambahan kos sara hidup yang semakin meningkat. Adakah Kerajaan bercadang supaya ibu bapa wajib mencarumkan sebahagian dari pendapatan mereka ke dalam tabung pendidikan supaya dapat mengurangkan kebergantungan anak-anak mereka kepada pinjaman PTPTN.
121. PR-022-L19369
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kegiatan mat rempit (samseng jalanan) yang merupakan gejala baru yang melanda masyarakat, apakah rancangan jangka panjang dan pendek Kementerian untuk mengatasinya supaya ianya tidak menular.

- Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan gejala Mat Rempit sedang berleluasa dan mengganas sekarang. Apakah langkah yang berkesan untuk mencegah gejala ini daripada menular dan berleluasa.
123. PR-022-L19348
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada ianya salah dari segi undang-undang untuk menayangkan kepada orang ramai rakaman insiden yang berlaku pada 7/5/2009 dalam Dewan Undangan Negeri Perak. Kalau tidak, apakah tindakan yang telah diambil terhadap anggota polis yang telah melarang tayangan rakaman tersebut di Majlis Makan Malam DAP di Setiawan pada 9/5/2009.
124. PR-022-L19818
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah anggota keselamatan serta perbelanjaan keselamatan yang telah digunakan bagi pilihan raya kecil DUN N.12 Penanti pada tahun ini.
125. PR-022-L19927
Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan prosedur serta etika pemeriksaan ke atas pesakit berlainan jantung dengan doktor.
126. PR-022-L19679
Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat meminda Seksyen 51 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 bagi memberi keadilan dan mengelakkan daripada menganiya pasangan suami/isteri yang seorang daripadanya kemudian memeluk Islam.
127. PR-022-L18581
Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengenai tapak Sekolah Baru Batu 8 yang sedang di bina dan di jangka siap dalam masa terdekat ini yang dapat didapati tidak selamat kerana berada di atas lorong (laluhan) air bawah tanah. Apakah tindakan Kementerian untuk atasi masalah ini.
128. PR-022-L18953
Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tentang tahap keseragaman pembayaran bidang-bidang kursus dan mata pelajaran yang ditawarkan oleh Institut Pengajian Tinggi Awam di negara kita.

Jilip bin Bumburing @ Wilfred [Tuaran] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU, DAN AIR** menyatakan sebab sebenar masalah gangguan tenaga elektrik di Sabah dan apakah langkah-langkah jangka pendek dan panjang oleh Kementerian untuk mengatasi masalah tersebut.

130. PR-022-L19610

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah punca sebenar yang menyebabkan Bank Islam memberhentikan kontrak kepada sebuah syarikat perisian Swiss - Temenos Group AG, yang membekalkan sistem 'core banking'nya yang baru sahaja dimeterai setahun yang lalu dengan kos sebanyak RM100 juta bagi menaik tarif sistem ITnya. Berapakah kerugian sebenar yang ditanggung oleh Bank Islam.

PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGENALKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Kewangan**

- * Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia 2009

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

AN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 15/2008) Rang Undang-undang Latihan Khidmat Negara (Pindaan) 2008. **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang (15 Jun, 2009)**
(Kementerian Pertahanan)
2. (D.R. 19/2008) Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2008. **Bacaan Kali yang Kedua**
(Kementerian Kewangan)
3. (D.R. 20/2008) Rang Undang-undang Makanan Haiwan 2008. “
(Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani)
4. (D.R. 26/2008) Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2008. “
(Kementerian Pengangkutan)
5. (D.R. 13/2008) Rang Undang-undang Identifikasi Asid Deoksiribonukleik (DNA) 2008 - Pertimbangan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (28 Ogos 2008).
(Kementerian Dalam Negeri)
6. (D.R. 30/2008) Rang Undang-undang Jawatankuasa Etika Hakim 2008. “
(Perdana Menteri)
7. (D.R. 29/2008) Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) (Pindaan) 2008. “
(Kementerian Kewangan)
8. (D.R. 4/2009) Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009. “
(Perdana Menteri)
9. (D.R. 18/2008) Rang Undang-undang Orang-orang Papa (Pindaan) 2008. “
(Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

Undang-undang Lembaga “
Perindustrian Kayu Malaysia
(Perbadanan) (Pengesahan) 2009.
**(Kementerian Perusahaan Perladangan
dan Komoditi)**

11. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan subperenggan 8(3)(a)(iv), Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya Kerajaan menukarkan pinjaman Kerajaan Persekutuan sebanyak RM757,459,247 kepada ekuiti Bank Pertanian Malaysia Berhad, suatu syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan)+

12. PR-022-U18570

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa sistem pendawaian luar terutama sekali bagi bekalan elektrik pada ketika ini. Adalah amat usang dan ada kalanya amat tidak teratur mengambil maklum bahawa sistem pendawaian yang ada pada ketika ini juga boleh mendatangkan bahaya kepada para pengguna terutama sekali bagi pendawaian yang merentasi jalan raya. Dan mengambil maklum bahawa sistem pendawaian yang sedia ada juga merupakan pencemaran pemandangan di mana kabel yang dipasang sering kali kelihatan tidak teratur, berjuntai dan usang. Maka dengan ini Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk membuat dasar atau pun polisi bahawa semua pendawaian luar bagi bekalan elektrik, terutama sekali di kawasan perumahan dibuat melalui sistem pendawaian bawah tanah."

[Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air]

13. PR-022-U18572

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa pemanasan dunia kini berada dalam keadaan yang kritikal dan salah satu daripada penyumbang kepada keadaan ini adalah penjanaan tenaga elektrik. Dan mengambil maklum bahawa bekalan bahan bakar bagi penjanaan kuasa elektrik juga semakin berkurangan.

bahawa keperluan bekalan elektrik di negara ini peningkatan ini sebahagian besar disebabkan oleh pembaziran tenaga elektrik, di mana lampu, kipas dan pendingin udara dipasang walaupun tidak diperlukan. Dan mengambil maklum bahawa isu ini adalah isu global tetapi dapat diselesaikan secara lokal di mana setiap orang mempunyai peranan untuk mengurangkan pembaziran tenaga elektrik dan sekali gus mengurangkan punca pencemaran dan pemanasan dunia. Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan menggubal satu dasar atau pun undang-undang bagi mendakwa dan menghukum mereka yang sengaja membazir tenaga elektrik. Ketetapan juga haruslah diambil untuk memastikan semua ketua Jabatan Kerajaan, Agensi Kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan bertanggungjawab untuk mengurangkan pembaziran tenaga elektrik ini dan dimuatkan sebagai salah satu daripada kriteria indeks petunjuk prestasi mereka."

[Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air]

14. PR-022-U18573

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa kanak-kanak adalah permata negara. Dan mengambil maklum bahawa potensi permata negara haruslah digilap sejak awal-awal lagi, seawal peringkat prasekolah mengambil maklum bahawa seawal peringkat pra-sekolahlah permata negara ini harus ditanamkan dan dibudayakan dengan unsur-unsur dan prinsip rukun negara dan konsep 1 Malaysia. Dan mengambil maklum juga bahawa sebagai taman bimbingan pra-sekolah yang terbesar di seluruh negara, Tabika Kemas boleh memainkan peranan ini. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta pihak Tabika Kemas untuk memainkan peranan ini dengan lebih aktif lagi demi untuk melahirkan modal insan negara yang berkualiti, berilmu, sopan dan patriotik."

[Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah]

15. PR-022-U20149

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan strategi yang terpenting untuk melengkapkan negara ini terus menghadapi kemerosotan ekonomi dunia serta membolehkan negara ini mengambil kesempatan yang baik apabila ekonomi global mula pulih."

[Kementerian Kewangan]

[Puan Teresa Kok] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendebatkan kaedah yang paling berkesan untuk mengatasi cabaran mungkin berlakunya pandemik selesema A H1N1 yang sedang melanda dunia. Dewan ini juga membincangkan jangkitan penyakit yang lain seperti meningitis, denggi dan leptospirosis."

[Kementerian Kesihatan]

17. PR-022-U19935

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung sidang Dewan Rakyat melalui televisyen supaya rakyat boleh menonton ucapan para ahli berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."

[Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan]

18. PR-022-U19942

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan pilihan raya Kerajaan tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan tempatan di Negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

[Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

19. PR-022-U19947

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar.+
"

[Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

im [**Seputeh**] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

[Perdana Menteri]

21. PR-022-U19956

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja penambahbaikan perjalanan dan pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)"

[Kementerian Dalam Negeri]

22. PR-022-U18678

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan dan menetapkan dengan seriusnya mengenai keraguan rakyat Malaysia di Sabah terhadap kedudukan kerakyatan orang-orang asing tanpa proses yang ditetapkan dalam undang-undang dan Perlembagaan Persekutuan yang hendaklah dikaji dan diputuskan."

[Kementerian Dalam Negeri]

23. PR-022-U18679

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan dan menetapkan terhadap keraguan dalam Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa apa-apa pindaan kepada Perkara 159 hendaklah tertakluk kepada Perkara 161E untuk menjamin perlindungan kedudukan Perlembagaan Sabah dan Sarawak dengan memperuntukkan bahawa persetujuan Tuan Yang Dipertua Negeri Sabah hendaklah diperolehi untuk pindaan kepada perlembagaan yang menyentuh Perjanjian 20 Perkara seperti:(a) Kewarganegaraan (b) Keanggotaan dan bidang kuasa Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak(c) Perkara di bawah kuasa perundangan Badan Perundangan Negeri"

[Perdana Menteri]

Abun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mempertimbangkan dengan seriusnya mengenai kadar kemiskinan yang melanda negeri Sabah. Apakah sebenarnya sebab-sebab kadar kemiskinan di negeri ini masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung, contohnya pada tahun 2007 kadar kemiskinan di Kelantan 7.2% sedangkan Sabah 16%. Keprihatinan mengenai kedudukan kemiskinan di Sabah haruslah diberi tumpuan yang khusus demi untuk memartabatkan rakyat Malaysia mendapat layanan dan perhatian yang sama tanpa mengira suku kaum, kebudayaan dan agama."

[Perdana Menteri]

25. PR-022-U18752

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Persekutuan supaya mencari satu jalan untuk menyeragamkan segala undang-undang memeluk agama kerana keputusan Jemaah Menteri baru-baru ini langsung tidak efektif dan tidak dapat dikuatkuasakan."

[Perdana Menteri]

26. PR-022-U18458

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia untuk membawa resolusi mengecam dan memutuskan hubungan diplomatik dengan Kerajaan Sri Lanka di mesyuarat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di atas kezaliman Kerajaan tersebut dalam pembunuhan orang awam Tamil beramai-ramai di Utara-Timur Sri Lanka."

[Kementerian Luar Negeri]

27. PR-022-U18462

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum iaitu Kerajaan Persekutuan tidak mengambil langkah-langkah yang wajar bagi memastikan penerapan lebih banyak calon-calon dari masyarakat India dalam sektor perkhidmatan awam. Dewan ini meminta Kerajaan Persekutuan untuk memberi perhatian dalam isu ini agar pengambilan kakitangan ke dalam sektor perkhidmatan awam mengimbangi kaum, jantina dan merit."

[Perdana Menteri]

isamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum iaitu kebanyakan Sekolah-Sekolah Tamil di Negara berada dalam keadaan yang serba kekurangan sehingga mendatangkan kesan negatif kepada para pelajar. Dewan ini meminta Kerajaan Persekutuan supaya memberi perhatian khusus terhadap pembinaan Sekolah-Sekolah Tamil yang baru dan menaik taraf Sekolah-Sekolah Tamil yang sedia ada di mana perkara ini akan menyediakan suasana pembelajaran yang selamat dan selesa kepada pelajar."

[Kementerian Pelajaran]

29. PR-022-U20067

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi RM100 juta oleh MINDEF, mesti dibentangkan di Parlimen dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara supaya dijadikan sebagai syarat meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan. Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Jet Sukhoi dan Kapal Selam Scorpene telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara."

[Kementerian Pertahanan]

30. PR-022-U20167

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan agar Kerajaan Pusat melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyegerakan proses penstrukturan semula air di seluruh negara agar pengurusan rawatan dan pengagihan air dikembalikan kepada pihak Kerajaan negeri bagi keefisyenan serta membela kepentingan rakyat dan pengguna, khususnya bagi negeri Selangor yang telah tergendala proses ini akibat sikap dingin pihak Kementerian dalam membuat keputusan yang wajar, tegas dan muktamad."

[Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air]

Imad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengingatkan pihak Kabinet supaya jangan membuat keputusan secara tergesa-gesa dan perlu lebih berhati-hati dalam membuat keputusan khususnya dalam hal yang membawa implikasi pertentangan Mahkamah Sivil dan Syariah , contohnya dalam kes %agama bersama+ atau %common+religion baru-baru ini, sebelum dirujuk pelbagai pihak seperti golongan pemimpin agama-agama termasuk para alim ulama, para pengamal perundangan sivil dan syariah, tokoh-tokoh akademik dan cendekiawan serta pemimpin masyarakat sivil, bagi memitigasi konflik pertentangan agama dan perundangan."

[Perdana Menteri]

32. PR-022-U20169

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini segera membuat ketetapan bagi menangani kemelut pemberian Basiswa Seberang Laut JPA yang setiap tahun berdepan dengan pelbagai pertikaian dengan cara menjadikan sistem penilaian itu satu yang jelas kriterianya (peratus input akademik dan ko-kurikulum) dan telus untuk semua dan dijadikan ia satu isu kategori biasiswa cemerlang untuk seberang laut+ serta menetapkan bidang-bidangnya yang lebih menyeluruh bukan sahaja perubatan dan kejuruteraan, tetapi juga kewangan dan ekonomi serta syariat, falsafah dan selainnya bagi benar-benar melahirkan tokoh-tokoh hebat dalam bidang masing-masing. Dewan ini juga perlu menetapkan pelbagai lagi biasiswa lain sama ada yang belajar dalam atau luar negara bagi golongan pelajar lain."

[Perdana Menteri]

33. PR-022-U19220

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasakan Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap hukuman mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada

...ana negara-negara yang masih mengamalkan
...ntuk menghentikan penggunaan hukuman mati
dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman
mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap
kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan
hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil
ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri
untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-
undang yang bercanggah dengan Morotarium tersebut."

[Perdana Menteri]

34. PR-022-U19225

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja Siasatan Kes Pembunuhan Altantuya Sharibuu yang mati dibunuh beberapa tahun lalu. Daripada siasatan dan perbicaraan yang dijalankan, banyak pihak tidak berpuas hati dengan perjalanannya dan diharap agar suruhanjaya ini mampu untuk menjawab pelbagai spekulasi."

[Kementerian Dalam Negeri]

35. PR-022-U0188

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] akan mencadangkan:-

"BAHAWASANYA beberapa bulan yang terdekat ini, rakyat mendapati polis telah bertindak secara tidak bertanggungjawab, secara sewenang-wenangnya melanggar undang-undang dan pilih kasih (double standard) dalam tindakan-tindakan mereka.

Antara tindakan-tindakan mereka yang mempunyai unsur-unsur di atas adalah seperti berikut :-

1. Menghalang Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Perak daripada memasuki Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak pada 3/3/2009.
2. Mematuhi arahan daripada Setiausaha DUN Perak dan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan bukannya arahan daripada Speaker DUN Perak apabila menghalang ADUN-ADUN Perak daripada memasuki DUN Perak pada 3/3/2009.

YB Ong Boon Piaw, ADUN dari DAP bagi
bing Tinggi, Perak telah ditangkap dan ditahan
kerana mengeluarkan DVD rakaman perjalanan persidangan DUN
Perak yang berlangsung pada 3/3/2009 tetapi YB Datoq Dr Mah
Hang Soon ADUN dari MCA bagi kawasan Chenderiang, Perak
tidak ditangkap atau ditahan apabila beliau mengeluarkan insiden
persidangan DUN Perak yang berlaku pada 7/5/2009.

4. Pada 5/5/2009, aktivis dan ahli akademik, Wong Chin Huat telah ditangkap selepas menyeru rakyat Malaysia berpakaian hitam.
5. Pada 6/5/2009, 14 orang individu termasuk seorang ahli Parlimen ditangkap merana menunjukkan soladiriti bersama Wong Chin Huat di depan balai polis Brickfields, Kuala Lumpur.
6. Pada 7 Mei juga, 15 orang individu dan 5 peguam ditangkap kerana menunjukkan solidariti bersama Wong Chin Huat di depan balai polis Brickfields, Kuala Lumpur.
7. Pada 7/5/2009, 69 orang individu termasuk ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri telah ditangkap dan ditahan semasa minum dan makan di restoran, sedang berjalan kaki atau pakai pakaian warna hitam di kawasan Ipoh, Perak. Kegiatan-kegiatan ini langsung tidak melanggar mana-mana peruntukan undang-undang.
8. Pihak polis mencero bohi DUN Perak pada 7/5/2009 dan secara paksa mengheret keluar YB V. Sivakumar, Speaker DUN Perak daripada DUN Perak dan mengurung beliau dalam sebuah bilik.
9. Sewenang-wenangnya tidak membenarkan rakaman insiden DUN Perak yang berlaku pada 7/5/2009 ditayangkan dalam Majlis Makan Malam DAP di Sitiawan, Perak pada 9/5/2009 dan secara ganas dan berkelakuan samseng memberhentikan jamuan makan malam tersebut dan merampas alat-alat audio video yang digunakan untuk tayangan rakaman tersebut tetapi apabila pihak MCA menayangkan insiden 7/5/2009 tersebut di jamuan Makan Malam MCA di Ipoh pada 17/5/2009 mereka dibenarkan berbuat demikian.
10. Pada 26/5/2009 jam lebih kurang 7.00 pagi, polis telah sewenang-wenangnya menangkap 5 orang pekerja yang sedang membuat persiapan memasang belon untuk pelancaran mogok lapar di bangunan DAP Perak dan alasan yang diberikan oleh Ketua Polis Negeri Perak ialah kerana perkataan Daulat Tuanku atas belon tersebut merupakan satu kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948.

tidak membenarkan orang ramai secara aman berkumpul untuk mengadakan kempen memasang lilin untuk menunjuk solidariti dengan rakyat Perak. Mereka yang berbuat demikian di Kuching, Pulau Pinang, Seputeh & Ampang, Kuala Lumpur telah ditangkap dan ditahan oleh pihak Polis.

12. Pada 26/5/2009, polis tanpa asas yang kukuh dari segi undang-undang telah menangkap 21 orang termasuk seorang Ahli Dewan Rakyat, 7 ADUN Perak.
13. Kedaulatan undang-undang dicabuli oleh pihak polis dan ia seakan-akan tidak ada undang-undang lagi di Malaysia terutamanya negeri Perak.
14. Beberapa laporan polis telah dibuat terhadap tindakan-tindakan salah di atas yang dilakukan oleh pihak polis tetapi tidak ada tindakan yang diambil terhadap anggota-anggota polis yang bersalah.

BAHAWASANYA ramai rakyat sekarang mula memberi gelaran ~~P~~Polis, Raja di Malaysia kepada pasukan polis dan pasukan polis tidak lagi digelar ~~P~~Polis DiRaja Malaysia oleh mereka.

BAHAWASANYA setiap Ahli Dewan Rakyat telah berikrar untuk memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaan Malaysia. Tindakan-tindakan salah polis di atas telah melanggar Perkara-perkara 5 (kebebasan diri), 8 (sama rata), 9 (kebebasan bergerak) dan 10 (kebebasan bercakap, berhimpun dan persatuan) Perlembagaan Persekutuan.

MAKA untuk memulihkan kepercayaan orang ramai kepada institusi polis dan juga untuk memastikan keadaan yang tersebut di atas diperbetulkan dan tidak berlarutan, saya ingin mengusulkan Dewan yang mulia ini untuk membuat satu ketetapan bahawa Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa bin Hassan dipecat dari jawatannya dengan serta-merta.

[Kementerian Dalam Negeri]

lin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan).

Islam adalah agama bagi persekutuan **termasuk dari segi undang-undang dan syariatnya'**

[Perdana Menteri]

37. Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 4 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan).

Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan, **kecuali undang-undang dan syariat Islam**, apa-apa undang-undang yang diluluskan berlawanan dengan **Perlembagaan ini dan undang-undang Islam atau hukum syara'** hendaklah terbatal setakat ianya berlawanan itu.

[Perdana Menteri]

38. Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 11 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan)

Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan ugamanya, **termasuk menukar agamanya bagi penganut agama Islam yang hendaklah tertakluk kepada undang-undang dan syariat Islam.**

Bagi maksud penganut agama Islam, soal kemasukan dan kemurtadan dari agama Islam hendaklah ditentukan oleh Mahkamah Syariah yang mempunyai bidang kuasa mutlak ke atasnya'

[Perdana Menteri]

n [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

Manawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan mengambil langkah supaya Jadual 9 senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan membuang perkataan seperti berikut :-

±.tetapi tidak mempunyai bidangkuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan...q dan diganti dengan perkataan berikut ;

‘dan mempunyai bidangkuasa mengenai apa-apa jua kesalahan jenayah syarie dan lain-lain yang ditetapkan atau diperuntukkan di dalam hukum syara’ dan undang-undang Islam termasuk membicarakan, memutuskan dan menghukum mana-mana orang Islam yang berkenaan menurut sabitan dan hukuman yang ditetapkan oleh hukum syara’ dan undang-undang Islam’.

Dan Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 hendaklah dipinda bersesuaian dengan pindaan kepada Jadual 9 Senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan seperti yang dinyatakan di atas+.

[Perdana Menteri]

40. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

Manawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan menguatkuasakan keputusan Majlis Fatwa kebangsaan pada 08hb.Oktober 1987 dan mengambil langkah memansuh dan menghapuskan semua amalan dan upacara bertafakur yang diadakan di hadapan Tugu Negara dan semua langkah yang berkesan dan efektif diambil agar anggota tentera, polis dan lain-lain orang yang beragama Islam tidak dipaksa dan/ atau diarah melakukan upacara dan amalan kawad hormat dan/ atau bertafakur di hadapan Tugu Negara yang telah difatwakan sebagai syirikq

41. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

Manawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama semua Kerajaan Negeri supaya melantik seorang Mufti Negara sebagai Ketua bagi dan dengan kuasa dan otoriti mengatasi kesemua Mufti-mufti dan menjadi Pengerusi bagi Majlis Fatwa Kebangsaan dan tanggungjawab dan menjawab hanya kepada Yang DiPertuan Agong dan Majlis Raja-Raja+.

n [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan masalah Palestin dan menamakan badan ini sebagai **Jawatankuasa Caucus bagi Palestin'** dengan melantik YB Kepala Batas sebagai Pengerusi Caucus tersebut+.

43. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa Caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan hal ehwal Islam dalam negara ini dengan tujuan untuk memartabatkan, memperkukuhkan dan mempertahankan hal ehwal Islam dan menamakan badan ini sebagai **'Jawatankuasa Caucus bagi Hal Ehwal Islam'** dengan melantik YB Kepala Batas sebagai Pengerusi Caucus tersebut+.

[Perdana Menteri]

44. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Caucus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan hal ehwal masyarakat India dengan tujuan untuk memantapkan kedudukan ekonomi mereka dan menyelesaikan permasalahan kewarganegaraan dan kad pengenalan mereka dan dinamakan sebagai **Jawatankuasa Caucus bagi Hal Ehwal Masyarakat India**".

[Perdana Menteri]

45. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pelajaran supaya dengan serta-merta memansuhkan pengajian mata pelajaran Sains & Matematik dalam Bahasa Inggeris dan menggantikan ia dengan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengajian mata pelajaran tersebut+.

[Kementerian Pelajaran]

n [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya mengambil langkah menyiarkan dan mewajibkan siaran azan pada tiap-tiap waktu solat fardu yang lima di kesemua tempat awam tanpa sebarang sekatan dan/ atau halanganq

[Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan]

47. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri mengambil langkah supaya kesemua banduan dan tahanan yang disabit dan dikenakan hukuman penjara sepanjang hayat hendaklah dikurangkan hukuman penjara tidak melebihi 20 (dua puluh tahun) dan bagi yang telah menjalani hukuman melebihi jumlah 20 tahun tersebut (setelah ditolak cuti dan kelakuan baik) hendaklah dibebaskan dengan serta-merta+.

[Kementerian Dalam Negeri]

48. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini menganbil langkah mendesak Menteri Pengangkutan supaya mengarahkan dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat penerbangan Malaysia Airline, Air Asia atau mana-mana syarikat penerbangan dalam negeri ini supaya membenarkan kakitangan wanitanya terutamanya pramugari memakai pakaian / uniform yang mematuhi hukum syaraq sebagaimana syarikat penerbangan antarabangsa lain seperti Emirates Airways, Saudi Airlines, Royal Brunei Airline dan lain-laian+.

[Kementerian Pengangkutan]

49. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Pengangkutan melarang dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat Penerbangan Malaysia supaya menghentikan penjualan arak dan lain-lain minuman keras dan yang memabukkan semasa di dalam penerbangan sebagaimana yang telah pun dilaksanakan oleh banyak syarikat penerbangan antarabangsa lain seperti Saudi Air, Emirate Airways, Brunei Airline dan lain-lain.

[Kementerian Pengangkutan]

n [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melarang dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat perniagaan runcit Seven-Eleven (7-11) dilarang sama sekali daripada menjual arak dan/atau apa-apa minuman keras dan yang memabukkan serta sebarang bentuk kondom dipremisnya+.

[Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna]

51. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri supaya dengan segera mengambil langkah membebaskan semua tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri yang ditahan kononnya atas dakwaan terlibat dalam kegiatan militant Islam seperti Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM), Jemaah Islam Malaysia (JI), Kumpulan Al Maunah dan lain-lain termasuk Mas Selamat dan jika pihak keselamatan mempunyai apa-apa bukti dan keterangan terhadap mereka hendaklah mereka dengan segera dibawa ke hadapan sebuah Mahkamah yang berbidang kuasa untuk membicarakan mereka tanpa sebarang kelengahan lagi+.

[Kementerian Dalam Negeri]

52. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya mengkaji dan melaksanakan projek membesarkan dan membaik pulih Masjid Jameq Bandar Raya Kuala Lumpur termasuk membina mihrab dan mimbar baru yang bersesuaian, menurap keseluruhan tapak masjid tersebut dengan marmar sebagaimana yang dibuat di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi serta memperkukuhkan bumbung Masjid tersebut agar dapat menampung jemaah untuk mengerjakan Solat terutamanya solat Jumaat dan kedua Eidulfitri & Eiduladha memandangkan pertambahan jemaah yang semakin meningkat mutakhir ini+.

[Perdana Menteri]

n (Kulim Bandar Bharu) akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya membatalkan dan/atau menarik balik arahan supaya kes-kes penceraian pasangan bukan Islam yang salah seorang dari mereka memilih untuk memeluk Islam dibicarakan di Mahkamah sivil; atau kes-kes anak-anak bawah umur yang di Islamkan oleh ibu, bapa atau penjaga mereka (yang asalnya bukan Islam) yang kemudiannya memilih memeluk Islam dibicarakan di Mahkamah sivil. Bahawa Dewan ini juga mengambil ketetapan mencadangkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya membatalkan dan / atau menarik balik arahan supaya dasar %ommon religion+(dengan izin) yang hendak diterima pakai bagi kes-kes kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dimana semua kanak-kanak dibawah 18 tahun dianggap menganut agama ibu-bapanya semasa dilahirkan sedangkan dasar %ommon religion+ini bercanggah dengan hukum syaraq dan perundangan negara seperti berikut:

- i. kerana secara langsung menyebabkan ibu, bapa atau penjaga (yang bukan Islam) dan memilih untuk memeluk Islam akan kehilangan hak penjagaan anak tersebut; sekaligus membantutkan usaha da'wah Islam kerana bukan Islam akan menjadi ragu-ragu untuk memeluk Islam kerana khuatir kehilangan anak;
- ii. dalam keadaan kedua ibu-bapa kanak-kanak (yang asalnya bukan Islam) memilih untuk memeluk Islam maka dasar %ommon religion+ tersebut akan menyebabkan kanak-kanak itu kekal dalam agama asal ibu bapanya dan oleh itu mendedahkan kanak-kanak itu menjadi perebutan untuk penjagaan oleh mana-mana pihak ketiga yang bukan Islam;
- iii. sedangkan hukum syaraq menetapkan bahawa dalam keadaan mana-mana salah seorang ibu-bapanya memeluk Islam maka kanak-kanak dibawah umur aqil baligh itu hendaklah dianggap Islam.
- iv. Dalam kes *Nedunchelian v. Nur Safiqah* [2005] 2 AMR 711, Mahkamah Tinggi sivil telah memutuskan bahawa menurut hukum syaraq berdasarkan fahaman mazhab syafi (yang dianuti majority umat Islam di Malaysia) bahawa apabila salah seorang ibu atau bapa seseorang kanak-kanak itu memeluk agama Islam, maka secara automatik anak-anak itu juga dianggap Islam, tanpa perlu kepada formaliti atau persijilan pemelukan kepada agama Islam.

didalam kes Subashini [2007] 2 AMR 540 telah bawakan isu ini tertakluk kepada Artikel 12 (4) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa agama bagi seseorang yang berumur kurang daripada 18 tahun adalah ditetapkan oleh ibu bapa atau penjaganya+ dan Mahkamah Rayuan menafsirkan bahawa hak menentukan agama seseorang kanak-kanak bergantung kepada mana-mana salah seorang daripada mereka iaitu ibu, bapa atau penjaga. Bermakna salah seorang daripada mereka berhak untuk menentukan agama yang boleh di anuti oleh anak-anak mereka.

- vi. Keputusan Mahkamah Rayuan ini bersesuaian dengan keputusan Mahkamah Persekutuan didalam kes Teoh Eng Huat v. MAIK [1990] MLJ 300.
- vii. Bahawa dasar *common religion*+ ini hanya berteraskan kepada anggapan bahawa kanak-kanak itu dianggap menganut agama ibu-bapanya semasa dilahirkan, dan tanggapan itu termansuh dengan sendirinya apabila kanak-kanak itu mencapai umur 18 tahun di mana di waktu itu sebagai seseorang yang sudah cukup umur kanak-kanak itu mempunyai hak untuk menentukan agama pilihannya. Sudah tentu dasar seperti ini bercanggah dengan hukum syara kerana seseorang kanak-kanak Muslim itu dianggap kekal Muslim apabila mencapai umur aqil baligh melainkan diisytiharkan murtad oleh mana-mana Hakim syarie yang melaksanakan undang-undang Islam.
- viii. Dasar ini juga akan menyebabkan pasangan yang memeluk Islam itu terikat kepada sistem perundangan yang bukan Islam dan ini bercanggah sama sekali dengan hukum syara dan juga Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan yang menjamin dan kebebasan mana-mana warganegara menganut dan mengamal agama pilihannya, bermakna apabila beliau memilih Islam maka beliau berhak untuk dibicarakan di Mahkamah Syariah menurut undang-undang munakahat Islam;
- ix. Dasar yang diputuskan oleh kabinet termasuk mengarahkan kes-kes seumpama di atas dibicarakan di Mahkamah Sivil dan melaksanakan dasar *common religion*+ akan menyebabkan kepada percanggahan dengan hukum syara, bercanggah dengan Artikel 11, Artikel 12, Artikel 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan dan bercanggah dengan keputusan-keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Persekutuan dan lain-lain.

(Perdana Menteri)

**NG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

**TAHUN
2009**

RISALAT/DOKUMEN

**TARIKH
DIBENTANGKAN**

ST.33

Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan
Universiti Malaysia Sarawak Bagi Tahun 2007

16 Jun 2009

CAPAN PENANGGUHAN

TARIKH UCAPAN DIBUAT	AHLI YANG BERUCAP	TAJUK UCAPAN	MENTERI YANG BERTANGGUNGJAWAB
1. 16.6.2009 (Selasa)	1. Tuan Kulasegaran a/ Murugeson (Ipoh Barat)	1. Arahan Jemaah Menteri harus dilaksanakan dengan Pentadbiran secara adil berhubung isu Pemelukan Agama.	1. Perdana Menteri
2. 16.6.2009 (Selasa)	2. Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)	2. Jenayah mengguna pakai nama bank dan Bank Negara untuk tujuan penipuan simpanan bank.	2. Menteri Kewangan